

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

KELAS :



PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEMPORNA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021

EKONOMI (3767/1)

Kertas 1

1 Jam 15 Minit

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
 2. *Jawab **semua** soalan.*
 3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan anda yang baharu.*
 4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
-

Kertas soalan ini mengandungi **16** halaman bercetak

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.

1. Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan manakah yang menggambarkan faktor pengeluaran tersebut?

- A Input produktif yang dicipta oleh manusia untuk meningkatkan pengeluaran
- B Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
- C Berperanan menyelaras dan menggabungkan faktor pengeluaran
- D Membenarkan orang lain mengurus keuntungannya


2. Jadual di bawah menunjukkan dua barang yang dikeluarkan oleh satu firma.

Kaedah Pengeluaran	Meja (unit)	Kerusi (unit)
M	100	35
N	70	40
P	40	60
Q	20	75

Jika pihak pengurusan firma tersebut mengambil keputusan untuk mengubah kaedah pengeluaran daripada P kepada Q, berapakah unit meja yang terpaksa dilepaskan?

- | | |
|-----------|-----------|
| A 15 unit | C 40 unit |
| B 20 unit | D 75 unit |

3. Rajah di bawah berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).



Pernyataan manakah yang **betul** berkaitan dengan KKP di atas?

- I Titik X menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap
- II Titik C menunjukkan berlaku kos lepas terhadap baju sebanyak 10 000 unit
- III Titik Z menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan baju dan kasut
- IV Titik ABCDE menunjukkan masalah pilihan di sepanjang KKP
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

4. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Encik Awie.

Encik Awie telah berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM30 000. Dia membuat keputusan untuk menggunakan tanah seluas satu hektar bagi mengusahakan kolam ternakan ikan air tawar dengan dibantu oleh dua orang pekerja tempatan.

Antara yang berikut, masalah asas ekonomi manakah yang telah diselesaikan oleh Encik Awie?

- I Untuk siapa dikeluarkan
- II Apa yang hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Berapa yang hendak dikeluarkan

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

5. Pilih pasangan yang **benar** tentang sistem ekonomi dan ciri-cirinya.

	Sumber ekonomi	Keterangan
A	Sistem Ekonomi Islam	<ul style="list-style-type: none"> Kebajikan masyarakat diutamakan Individu dan firma bebas tanpa kawalan kerajaan bagi memiliki sumber ekonomi
B	Sistem Ekonomi Campuran	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat persaingan yang sihat Pihak swasta dan awam saling melengkapi output dipasaran
C	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	<ul style="list-style-type: none"> Tiada persaingan antara firma Kuasa permintaan dan penawaran menentukan harga sesuatu barang
D	Sistem Ekonomi Pasaran Bebas	<ul style="list-style-type: none"> Harga ditentukan oleh mekanisme harga Individu, swasta dan kerajaan bebas memiliki faktor pengeluaran

6. Pernyataan manakah **benar** tentang hukum permintaan?


- A Sofea akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
- B Fauzan akan membeli lebih banyak barang apabila harga barang meningkat
- C Syarikat Amir akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang jatuh
- D Syarikat Wafi akan mengeluarkan lebih banyak barang apabila harga barang meningkat

7. Maklumat di bawah menunjukkan penentu permintaan bagi barang P.


- Harga barang P dijangka meningkat pada masa depan.
- Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan.

Keluk manakah yang menunjukkan perubahan permintaan bagi barang P?


A




B




C



D




8. Rajah di bawah menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran kereta tempatan.



Tindakan kerajaan manakah yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Melonggarkan syarat sewa beli
- B Menaikkan kadar faedah pinjaman
- C Melaksanakan kempen perkongsian kereta
- D Mengurangkan pelepasan cukai pendapatan

9. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran barang W.



Berapakah nilai keanjalan penawaran barang W?

- | | |
|-------|-------|
| A 0.3 | C 1.0 |
| B 0.5 | D 3.0 |

10. Permintaan sesuatu barang itu cenderung menjadi tidak anjal jika

- A Perbelanjaan merupakan sebahagian kecil daripada pendapatan
- B Barang itu ialah barang kehendak
- C Barang itu mempunyai banyak kegunaan
- D Barang itu mempunyai banyak pengganti

11. Gambar di bawah berkaitan dengan sejenis kemudahan simpanan di bank perdagangan.



Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang kemudahan simpanan di atas?

- I Dikenakan caj perkhidmatan
 - II Wang tidak boleh dikeluarkan sesuka hati
 - III Tidak boleh menggunakan cek
 - IV Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan overdraf
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

12. Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilihan pekerjaan individu.

	<ul style="list-style-type: none">Bayaran lumayan akan ditawarkan kepada mereka yang berjaya dalam temu dugaKelulusan diploma atau kelayakan lain yang setara diperlukanSesiapa yang berminat, sila hubungi Mr Ang (0199865623)
---	---

Antara berikut, yang manakah mungkin merupakan faktor yang menarik En Lee untuk memohon jawatan tersebut?

- I Upah wang
 - II Waktu bekerja
 - III Faedah sampingan
 - IV Kelayakan akademik
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

13. Maklumat berikut adalah mengenai Puan Aliya.

Pendapatan tahunan Puan Aliya ialah RM48 000. Daripada jumlah ini, RM5 280 dicarumkan kepada KWSP, RM600 untuk potongan cukai pendapatan dan RM300 untuk bayaran zakat.

Hitungkan perbelanjaan penggunaan Puan Aliya jika tabungan adalah RM 4 600.

- | | |
|------------|------------|
| A RM37 220 | C RM41 820 |
| B RM37 520 | D RM43 400 |

14. Rumus berikut menunjukkan rumus pendapatan individu.

Pendapatan individu = Upah + Sewa + Faedah + **Z** + Untung + Bayaran pindahan

- Z** merujuk kepada
- | | |
|-----------------------------|-----------|
| A Kerja lebih masa | C Dividen |
| B Bantuan Prihatin Nasional | D Pencen |

15. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?

- I Mengelakkan inflasi
- II Meningkatkan pendapatan
- III Membolehkan individu membeli barang mewah
- IV Membolehkan individu mendahulukan perbelanjaan yang penting

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

16. Jadual di bawah menunjukkan kos yang ditanggung oleh Firma Hasnim.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
5	10	20
10	10	40
15	10	55
20	10	65

Berapakah kos purata yang ditanggung oleh Firma Hasnim apabila jumlah output ialah 15?

- | | |
|----------|----------|
| A RM2.00 | C RM3.70 |
| B RM3.00 | D RM4.30 |

17. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Jana Utama.

Syarikat Jana Utama mengeluarkan 9500 pasang kasut dan menjualnya dengan harga RM 48 sepasang.

Kos pengeluaran syarikat ialah :

Kos bahan mentah	RM 92 400
Upah buruh	RM 42 800
Sewa bangunan	RM 16 500
Bil elektrik, air dan telefon	RM 18 200

Berapakah jumlah untung Syarikat Jana Utama pada bulan tersebut?

- | | |
|-------------|-------------|
| A RM169 900 | C RM350 800 |
| B RM286 100 | D RM456 000 |

18. Apakah faedah sosial yang akan timbul apabila kerajaan negeri menggalakkan penggunaan lebih banyak basikal di Pulau Pinang?

- A Kos pengangkutan yang lebih tinggi
- B Kadar pengangguran yang rendah
- C Kadar kesesakan lalu lintas yang rendah
- D Kadar pencemaran udara yang lebih tinggi

19. Pernyataan di bawah berkaitan dengan eksternaliti.

Penurunan harga kereta tempatan menyebabkan permintaan kereta meningkat secara mendadak.

Berdasarkan pernyataan diatas, apakah kos sosial yang wujud kesan daripada situasi tersebut?

- A Taraf hidup masyarakat meningkat
- B Keuntungan syarikat pengedar kereta meningkat
- C Masalah pencemaran udara semakin meningkat
- D Pendapatan boleh guna masyarakat meningkat

20. Antara yang berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi?

- I Prosedur kerja yang fleksibel dan ringkas
 - II Proses membuat keputusan yang rumit
 - III Persekutaran kerja yang sempit dan berbahaya
 - IV Tenaga pekerja yang mahir dan berkebolehan
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

21. Pernyataan manakah yang betul menggambarkan faedah sosial bagi pembinaan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS)?

- I Pencemaran udara meningkat
- II Kos perubatan semakin meningkat

- III Peningkatan dalam peluang pekerjaan
 - IV Kadar kesesakan lalu lintas yang rendah antara bandar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22. Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh

- I Kenaikan kuasa beli
 - II Penurunan kadar upah
 - III Kenaikan harga barang import
 - IV Penawaran wang bertambah dalam pasaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23. Jadual di bawah menunjukkan indeks harga pengguna di Malaysia.

Tahun	Indeks harga pengguna (IHP)
2017	112.80
2018	116.80
2019	120.90

Berapakah kadar inflasi pada tahun 2018?

- A 3.39
- B 3.42
- C 3.55
- D 4.05

24. Maklumat di bawah menunjukkan harga semasa bahan api bagi tahun 2019.

Perbandingan Harga Bahan Api 2019		
Bulan	RON 95/liter	DIESEL/liter
Jun	1.70	1.55
Nov	1.95	1.90

Apakah kesan perubahan harga tersebut ke atas ekonomi Malaysia?

- A Kos sara hidup rakyat menurun
- B Berlaku inflasi tolakan kos
- C Keluk penawaran diesel beralih ke kiri
- D Barang eksport Malaysia berdaya saing

25 Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan?

- I Bilangan tenaga buruh bertambah
 - II Pertambahan pendapatan negara benar
 - III Sikap keterbukaan masyarakat menurun
 - IV Jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar semakin bertambah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26. Dasar fiskal mempengaruhi aktiviti ekonomi dengan

- A Kadar faedah dan kadar cukai
- B Kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
- C Kadar faedah dan kadar rizab berkanun
- D Perbelanjaan kerajaan dan kadar rizab berkanun

27. Antara yang berikut, yang manakah adalah berkaitan dengan cukai tak langsung?

- I Jamy membayar duti atas barang yang dibeli dari Jerman
 - II Amani membayar cukai 10% atas barang yang dieksport ke Indonesia
 - III Camelia membayar cukai pendapatan individu sebanyak RM1 000 setiap tahun
 - IV Salmi membayar cukai di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Kuala Terengganu
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

28. Jadual yang berikut menunjukkan kedudukan kewangan sektor awam pada tahun 2018

Butiran	Jumlah(RM Juta)
Hasil	211 989
Perbelanjaan Mengurus	241 075
Perbelanjaan Membangun	138 597

(sumber: diubah suai daripada Laporan Ekonomi 2016/2017)

- I Kerajaan menjalankan dasar belanjawan kurangan
 - II Sumber hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai
 - III Belanjawan negara satunya cara untuk mengatasi kemelesetan ekonomi
 - IV Contoh perbelanjaan pembangunan ialah emolument
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

29. Apakah kesan penurunan kadar faedah terhadap pengguna?

- A Kos pinjaman meningkat
- B Perbelanjaan pengguna dalam ekonomi meningkat
- C Pengguna akan mengurangkan jumlah pinjaman
- D Pengguna perlu menyediakan lebihan wang semasa berbelanja

30. Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri-ciri syarikat multinasional.

- Firma mempunyai cawangan di beberapa buah negara
- Pemindahan dan penggunaan teknologi yang canggih
- Z

Apakah firma Z?

- A Firma besar bersaing dengan firma kecil
- B Memaksimumkan keuntungan dan kebajikan
- C Menggunakan bahan mentah di negara sendiri
- D Semua cawangan firma dikawal oleh firma induk di negara asal

31. Pernyataan manakah yang menggambarkan liberalisasi?

- A Daya saing firma tempatan meningkat
- B Mobiliti sumber ekonomi lebih terbatas
- C Mewujudkan halangan bagi kemasukan barang import
- D Menafikan halangan bagi aliran barang merentasi sempadan

32. Apakah kesan dasar lambakan barang dari negara China ke atas Malaysia?

- I Pendapatan negara terjejas
 - II Peningkatan dalam pengangguran
 - III Imbalan pembayaran semakin baik
 - IV Permintaan barang tempatan meningkat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

33. Situasi manakah yang menyebabkan imbangan dagangan cenderung menjadi positif?

- A Kemasukan pelaburan asing ke Malaysia
- B Peningkatan pelancong asing ke Malaysia
- C Peningkatan eksport getah asli ke Singapura
- D Bilangan pelajar Malaysia di luar negara meningkat

34. Bagaimakah kadar pertukaran asing ditentukan?

- A Interaksi antara permintaan dan penawaran mata wang asing
- B Jumlah rizab asing yang dimiliki oleh bank pusat sesebuah negara
- C Jumlah urus niaga yang berlaku di antara sebuah negara dengan negara lain
- D Permintaan mata wang asing dari negara yang membayar balik pinjaman luar negara

35. Jadual di bawah berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing antara mata wang Dolar Singapura dengan mata wang Ringgit Malaysia.

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2017	S\$1 = RM3.00
2016	S\$1 = RM3.20

Antara berikut, manakah yang betul bagi menerangkan kesan perubahan tersebut?

- I Import Malaysia naik
 - II Eksport Malaysia bertambah
 - III Imbangan dagangan menjadi positif
 - IV Rizab asing akan mengalir keluar negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 36 hingga soalan 40 adalah berdasarkan pilihan jawapan seperti di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

36. I Hukum permintaan menyatakan bahawa apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan meningkat.
II Hukum permintaan digambarkan oleh keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
37. I Encik Siva dibayar faedah yang tinggi kerana dia adalah pemegang akaun Semasa
II Sebagai pemegang akaun semasa, Encik Siva mendapat kemudahan overdraf
38. I Imbangan dagangan berkaitan dengan beza antara nilai eksport nampak dengan nilai import nampak.
II Kenaikan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing boleh menyebabkan imbangan dagangan menjadi semakin positif
39. I Perbelanjaan mengurus bersifat tidak berulang setiap tahun
II Contoh perbelanjaan mengurus ialah perkhidmatan sosial
- 40 I Kadar pertukaran asing adalah nilai satu unit mata wang sesebuah negara dalam sebutan mata wang negara lain.
II Perubahan kadar pertukaran asing sesebuah negara akan menyebabkan perubahan permintaan ke atas eksport dan import negara lain